

PEMAKLUMAN BERKENAAN PERGERAKAN PULANG PELAJAR KE KAMPUNG

Merujuk kepada perutusan Khas YAB Perdana Menteri pada 23 April 2020 berkenaan kebenaran kebenaran pergerakan pulang pelajar IPT ke kampung halaman masing-masing.

Oleh yang demikian, sepertimana yang telah dimaklumkan bahawa pergerakan pulang pelajar dipecahkan mengikut zon seperti berikut:

Bil	Zon	
1	Tengah	W.P Kuala Lumpur
		Selangor
		Putrajaya
2	Selatan	Negeri Sembilan
		Melaka
		Johor
3	Pantai Timur	Pahang
		Terengganu
		Kelantan
4	Perak	Perak
5	Utara	Kedah
		Perlis
		Pulau Pinang
6	Sabah	
7	Sarawak	

Pergerakan pelajar pulang ini hanya melibatkan **ZON HIJAU** sahaja buat masa ini. Pelajar UMP (Zon Timur) akan memulakan pergerakan pulang pada **29 April 2020 (Rabu)**. Kebenaran ini buat masa ini hanyalah untuk pergerakan ke Zon Timur sahaja. (Kelantan, Terengganu dan Pahang). Untuk pergerakan ke destinasi lain akan

dimaklumkan dari masa ke semasa apabila kebenaran diperolehi. Prosedur operasi standard pergerakan pulang pelajar adalah seperti berikut:

i) Pelajar perlu mematuhi arahan seperti berikut:

- Mendaftar diri dalam apps My Sejahtera
- Mengisi borang saringan kesihatan Pusat Kesihatan Universiti (PKU) seperti di pautan berikut:

<https://forms.gle/EvjLyBLmmnkhg3mg8>

dan borang pengesahan pergerakan pelajar di e-comm pelajar – MCO - Student Movement Confirmation.

- Pelajar perlu mengisi borang saringan kesihatan tersebut bermula hari ini sehingga Selasa 28 April 2020 selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari.
- Pelajar yang telah mengisi borang saringan kesihatan perlu hadir ke PKU pada 28 April 2020 bermula jam 8.30am sehingga 4.30pm dan 29 April 2020 bermula jam 8.30am – 12.30pm.

PKU akan mencetak borang saringan kesihatan dan **HANYA** pelajar yang disahkan sihat sahaja akan dikeluarkan borang pengesahan sihat untuk meneruskan perjalanan (*fit to travel*). Hanya pelajar yang mempunyai pengesahan sihat untuk meneruskan perjalanan daripada PKU akan dibenarkan untuk menaiki kenderaan.

- ii) Tempat berkumpul pelajar untuk menaiki kenderaan adalah di kampus UMP Pekan dan Gambang sahaja. Tiada tempat berkumpul lain yang dibenarkan oleh pihak kerajaan
- iii) Pelajar akan diturunkan di sama ada di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) atau Pejabat Daerah mengikut daerah masing-masing sepertimana yang diputuskan oleh Polis dan Pusat Bencana Negeri.
- iv) Pergerakan pulang menggunakan kenderaan sendiri hanyalah untuk pergerakan dalam negeri sahaja. Pergerakan menggunakan motosikal tidak dibenarkan sama sekali.

- v) Segala kos pergerakan pulang pelajar adalah menggunakan kenderaan yang disediakan oleh pihak Universiti dan kos ditanggung oleh pihak kerajaan.
- vi) Bagi pelajar yang sedang menjalani latihan industri, sila berhubung bersama pihak CPDC sekiranya memerlukan bantuan selanjutnya.

Kegagalan pelajar mematuhi setiap perkara seperti di atas akan mengakibatkan pelajar boleh dihalang daripada menaiki kenderaan untuk pulang ke kampung halaman.

Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

"Memasyarakatkan Teknologi"

Saya yang menjalankan amanah,



(PROFESOR DATO' TS. DR YUSERRIE B. ZAINUDDIN)

Timbalan Naib Canselor

Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Tarikh : 27 April 2020